



PEJABAT BSKM, DIGITAL PERAK DAN MCMC TURUN PADANG MENINJAU TAPAK-TAPAK MENARA TELEKOMUNIKASI TUMBANG

PIHAK KERAJAAN NEGERI MENGAMBIL TINDAKAN SEGERA UNTUK MENYELESAIKAN MASALAH GANGGUAN PERKHIDMATAN TELEKOMUNIKASI

IPOH, FEBRUARI 21, 2022 – Pengerusi Jawatankuasa Belia, Sukan, Komunikasi dan Multimedia, YB Encik Khairul Shahril bin Mohamed dan Ketua Pegawai Eksekutif Digital Perak Corporation Holdings (Digital Perak), Meor Rezal Fitri bin Dato' Dr. Hj. Meor Redwan, Pengarah Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC) Perak, Zairulnahr Bin Zakaria bersama-sama wakil-wakil pemilik menara Prosontech Sdn. Bhd. (Prosontech) serta pemberi perkhidmatan Digi Telecommunications Sdn. Bhd. (Digi), telah ke lokasi-lokasi runtuh menara-menara telekomunikasi di Surau Seri Palma dan Tanah Perkuburan Sungai Sengat bagi meneliti dan mengkaji kaedah penyelesaian segera di kawasan-kawasan tersebut bagi memastikan penduduk-penduduk dapat menikmati kualiti dan liputan baik secara berterusan.

Ini adalah lanjutan daripada lawatan yang telah dibuat semalam oleh pihak-pihak Digital Perak, Prosontech dan Digi bagi penyediaan laporan awal.

Kejadian-kejadian yang dipercayai berpunca daripada hujan lebat dan angin kencang telah berlaku sekitar pukul 5.00 hingga 6.30 petang dan tidak melibatkan sebarang kemalangan.

Pendekatan penyelesaian pada masa yang terdekat adalah penggunaan *Portable Base Transceiver Station* (PBTS), iaitu stesen pangkalan mudah alih yang digunakan untuk menyediakan liputan rangkaian selular sementara yang boleh digunakan dalam situasi kecemasan di mana menara sedia ada rosak akibat bencana alam.

Penyediaan PBTS boleh memberikan perkhidmatan tersebut di lokasi-lokasi berkenaan di samping meningkatkan kapasiti daripada menara telekomunikasi yang berhampiran.

Pihak Prosontech akan menggantikan struktur-struktur yang runtuh tersebut dengan kadar segera selepas mengemukakan pelan perancangan serta rekabentuk menara yang baharu.

Menara-menara telekomunikasi yang dibina di kawasan-kawasan tersebut adalah bagi menyelesaikan isu kapasiti telekomunikasi di kawasan kepadatan penduduk yang tinggi.